



# Pengurusan Aset Universiti Pekeliling Bursar Bil 4 Tahun 2019

Aset alih yang diterima perlu menepati spesifikasi yang ditetapkan, kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan dan memastikan ianya diterima dalam keadaan baik, sempurna dan selamat digunakan.

## Penerimaan



Pendaftaran aset hendaklah lengkap, tepat dan sentiasa dikemaskini, memudahkan pengesanan dan pemantauan. Setiap aset alih hendaklah dilabelkan nombor siri pendaftaran dan senarai aset alih di KEW.PA-7 perlu disediakan dan dipamerkan.

## Pendaftaran



Penggunaan aset alih adalah untuk tujuan rasmi sahaja, mengikut fungsi sebenar dan dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan jika perlu serta direkodkan penggunaannya. Pinjaman dan pergerakan aset hendaklah menggunakan KEW.PA-9.

## Penggunaan



Aset alih hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Aset menarik atau yang bernilai tinggi hendaklah sentiasa di bawah kawalan maksima. PTJ juga perlu melaksanakan audit sendiri dalam tahun semasa.

## Penyimpanan/ Pemeriksaan



## Definisi Aset Alih

Aset alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk Aset alih yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain.

Aset alih terbahagi kepada 2 iaitu harta modal dan aset alih bernilai rendah.

## Penyelenggaraan



Memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan. Jenis penyelenggaraan terbahagi kepada dua iaitu penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan pembaikan.

## Pelupusan



Memastikan agensi kerajaan tidak menyimpan aset alih yang tidak boleh digunakan supaya dapat menjimatkan ruang simpanan/pejabat. Aset alih boleh dilupuskan jika tidak ekonomik dibaiki, usang, rosak, luput tempoh, tiada alat ganti di pasaran, dan perubahan teknologi.

## Kehilangan/ Hapuskira



Pegawai perlu membuat laporan kehilangan serta merta kepada ketua PTJ. Ketua PTJ perlu membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam sekiranya ada unsur jenayah dan menyediakan laporan awal dalam tempoh 2 hari bekerja kepada urusetia JKPAU untuk siasatan lanjut.

## Perpindahan



Pindahan bermaksud proses untuk memindahkan hak milik aset alih antara PTJ. Setiap aset alih hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan dengan mengisi KEW.PA-17.